

# UPM sumbang hadiah Malam Jalan Lima

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) bermurah hati menyumbang hadiah barangan elektrik kepada Jabatan Pengarang Utusan Malaysia bagi menjayakan Majlis Makan Malam Jalan Lima 11.

Hadiah iaitu sebuah ketuhar, hi fi dan seterika itu akan digunakan untuk cabutan nombor bertuah pada majlis berkenaan. Pegawai Perhubungar Awamnya, Mohd. Rusdy Hasan menyerahkan hadiah itu kepada ahli jawatan kuasa majlis, Rajmah Hasan Shirat di pejabat Utusan Melayu (M) Berhad di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dua tahun lalu iaitu pada Majlis Makan Malam Jalan Lima 1, UPM turut bermurah hati menaja hadiah barangan elektrik. Ketua Bahagian Komunikasi Korporatnya, Mustafa Ibrahim pada majlis penyerahan hadiah berkata:

“Sumbangan ikhlas ini adalah bagi merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas sokongan yang diberikan oleh Jabatan Pengarang Utusan Malaysia terhadap UPM selama ini.”

Majlis Makan Malam Jalan Lima 11 akan diadakan esok di Kelab Darul Ehsan dan kira-kira 400 staf Utusan Melayu (M) Bhd di 46M, Jalan Lima off Jalan Chan Sow Lin dijangka hadir